

MAJLIS PELANCARAN KOMUNITI 1MALAYSIA (K1M) NEGERI JOHOR
03/03/2012

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berusaha Pengacara Majlis,

Y.A.B Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman Menteri Besar Johor,

YB Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim,
Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan,

YBhg. Dato' Seri Kamaruddin Siaraf
Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan,

YBhg Tuan Hj Ibrahim Abdul Rahman
Ketua Pengarah Penerangan Malaysia,

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri,
Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan-Tuan, Puan-Puan, Saudara dan Saudari, hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya jua, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Komuniti 1Malaysia Negeri Johor ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Komuniti 1Malaysia Peringkat Negeri Johor ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Penerangan kerana berjaya menganjurkan majlis ini dalam keadaan yang penuh harmoni dan ceria.

2. Saya percaya majlis ini akan dapat mengeratkan lagi silaturrahim dan perpaduan ahli Komuniti 1Malaysia di seluruh Negeri Johor yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum, khususnya di kalangan masyarakat setempat di Sungai Abong ini. Saya yakin program-program yang diadakan sepanjang tiga hari Karnival Komuniti 1Malaysia ini berlangsung dapat memberi input-input berguna kepada para pengunjung yang datang bersama memeriahkan program ini.

3. Saya difahamkan pelbagai acara di adakan sepanjang karnival ini berlangsung seperti persembahan kebudayaan pelbagai kaum, senam seni 1Malaysia, masakan 1Malaysia, persembahan hiburan dari artis-artis serta pelbagai pameran dari agensi-agensi kerajaan dan juga gerai-gerai jualan IKS tempatan dan swasta. Pastinya, pameran dari agensi-agensi kerajaan akan dapat menyalur dan memberikan maklumat kepada masyarakat setempat tentang dasar-dasar kerajaan yang mana matlamatnya adalah untuk kesejahteraan rakyat semata-mata. Individu dan syarikat yang mengambil bahagian dalam gerai-gerai jualan pula akan mendapat keuntungan di samping dapat mempromosi dan memperkenalkan produk-produk yang mereka keluarkan, khususnya produk-produk dari IKS tempatan. Para

pengunjung juga pasti terhibur dengan pelbagai persembahan kesenian dari pelbagai kaum yang melambangkan kepelbagaian budaya serta keharmonian hidup masyarakat Malaysia.

4. Namun, yang paling penting hasil atau kesan daripada acara seperti ini ialah ianya dapat mengeratkan lagi hubungan dan perpaduan antara kaum selaras dengan matlamat gagasan 1Malaysia yang bertujuan memperkukuhkan lagi perpaduan yang sedia terjalin di kalangan rakyat, khususnya masyarakat setempat.

5. Saya difahamkan bahawa Komuniti 1 Malaysia adalah satu pertubuhan sukarela yang ditubuhkan untuk membantu kerajaan menyebarkan maklumat berupa program dan dasar-dasar kerajaan di dalam komuniti di samping membantu mewujudkan perpaduan masyarakat setempat tanpa mengira kaum. Jabatan Penerangan Malaysia telah dipertanggung jawabkan untuk menjadi 'mentor' utama kepada Komuniti 1Malaysia ini. Justeru, kedua-duanya tidak boleh dipisahkan dan saling membantu bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Maknanya, walaupun Komuniti 1Malaysia itu merupakan pertubuhan sukarela tetapi ia akan tetap dibantu dan diberi perhatian sepenuhnya oleh Kerajaan melalui Jabatan Penerangan.

6. Saya cukup yakin penubuhan Komuniti 1Malaysia yang dulunya dikenali sebagai Komuniti Bestari dan kemudian dijenamakan semula pada 24 Oktober 2010, akan dapat membantu memupuk nilai-nilai perpaduan dan sikap toleransi bukan sahaja sesama ahlinya, malah di kalangan masyarakat setempat pelbagai kaum. Saya juga dimaklumkan bahawa sejak ia diperkenalkan, Komuniti 1Malaysia telah memainkan peranan yang amat penting dan berkesan di dalam menyampaikan dan menyalurkan maklumat kerajaan kepada masyarakat setempat.

7. Di era ledakan maklumat ini, informasi memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran masyarakat. Jika informasi yang mengalir dan beredar di dalam masyarakat itu tepat dan betul, maka ia akan memberi kesan positif kepada pembinaan masyarakat. Sebaliknya, jika informasi yang diterima itu tidak benar atau tidak tepat, apatah lagi bersifat fitnah maka ia akan memberi kesan negatif kepada masyarakat. Justeru, program dan dasar-dasar kerajaan mesti disampaikan dan disebarkan secara betul dan tepat kepada rakyat disetiap peringkat.

8. Selain peranan media massa, cetak dan elektronik, masyarakat juga boleh membantu kerajaan menyebarkan maklumat yang betul dan tepat kepada masyarakat. Dalam konteks inilah maka saya melihat Komuniti 1Malaysia amat relevan dan sangat membantu dalam hal ini. Ahli-ahlinya terdiri daripada kalangan masyarakat yang prihatin dan mempunyai semangat sukarelawan yang tinggi bagi membantu kerajaan menyebarkan maklumat serta menjelaskan isu-isu semasa yang berkaitan dengan dasar dan program kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Rakyat Malaysia sememangnya bertuah kerana dapat tinggal di sebuah negara yang aman dan kerajaannya yang prihatin terhadap keperluan dan masalah rakyat. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berusaha untuk memberikan bantuan melalui pelbagai cara kepada rakyat seperti Bantuan Persekolahan RM100 secara one off kepada pelajar sekolah rendah dan menengah, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Baucer Buku 1Malaysia (BBM) dan Kebajikan Rakyat 1Malaysia (Karisma). Demikian juga usaha kerajaan mewujudkan Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Skim Rumah Pertamaku (PR1MA), Skim Perumahan Mesra Rakyat, Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia), Skim

Latihan 1Malaysia (SL1M) dan banyak lagi adalah bertujuan membantu meringankan beban hidup rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah.

10. Kerajaan juga mengekalkan pemberian pelbagai bentuk subsidi seperti subsidi petrol, gas, minyak masak, beras, tepung gandum dan gula. Sementara dibidang pendidikan rendah dan menengah pula, ibu bapa tidak lagi gusar akan perbelanjaan untuk yuran anak-anak mereka kerana kini ia diberikan percuma untuk semua anak-anak warganegara Malaysia.

11. Program dan dasar-dasar kerajaan tidak akan berjalan dengan baik sekiranya tiada sokongan padu daripada rakyat. Alhamdulillah, selama ini rakyat sentiasa mendukung segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan. Perpaduan yang erat di kalangan rakyat telah menjadi elemen penting yang membawa kejayaan pembinaan negara-bangsa yang berdaulat dan disegani di pentas antarabangsa. Kejayaan kita membina bangsa yang bersatu padu diakui oleh dunia dan dijadikan contoh ikutan oleh negara-negara lain.

12. Sesungguhnya, kejayaan ini tidak datang bergolek begitu sahaja, tetapi ia adalah hasil wujudnya persefahaman, penerimaan, toleransi dan perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Rakyat pelbagai kaum di negara ini juga tidak mudah termakan propaganda pihak-pihak yang mahu menghancurkan keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia.

13. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak daripada pelbagai lapisan masyarakat agar berganding bahu bersama kerajaan untuk mencapai aspirasi negara seperti yang telah digariskan kerajaan. Aspirasi kita bukan sahaja untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi tetapi kita juga mahu menjadi sebuah negara yang aman dan penduduknya bersatu padu walaupun masyarakat kita bersifat majmuk. Kepelbagaian kaum, budaya dan agama bukan penghalang untuk kita bersatu, sebaliknya menjadi kekuatan kerana setiap kaum mempunyai nilai dan kekuatan tersendiri yang boleh diolah dan diadun bersama ke arah membina negara yang bersatu dan maju.

Tangkas Bersilat Panglima Utama,
Itulah Lambang Pahlawan Perkasa;
Berbeza Adat, Budaya Dan Agama,
Bukan Penghalang Penyatuan Bangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Kesetiaan rakyat menjadi elemen penting untuk meneruskan kesinambungan kerajaan yang ada pada hari ini, apatah lagi di bawah kepimpinan Y.A.B Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak yang bekerja keras untuk menjayakan agenda transformasi negara supaya pada tahun 2020 nanti, Malaysia akan berjaya menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Justeru, dalam konteks ini ahli-ahli Komuniti 1Malaysia boleh menjadi agen dan pemangkin perubahan masyarakat yang efektif dan efisien, iaitu dengan cara membantu kerajaan merealisasikan hasrat tersebut menerusi penyebaran maklumat yang tepat serta mengadakan pelbagai aktiviti yang dapat memperkukuh semangat perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

15. Saya cukup yakin tuan-tuan berupaya melakukannya. Yang penting ialah semua pihak mesti mempunyai komitmen dan integriti yang teguh dalam membantu kerajaan menjayakan visi dan misi ke arah merealisasikan agenda transformasi dan gagasan 1Malaysia. Ahli-ahli

Komuniti 1Malaysia mestilah peka dengan keadaan sekeliling dan membantu menangkis tohmahan daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh menggugat keamanan negara serta menggagalkan agenda transformasi negara. Oleh itu, persiapkanlah diri kita dari pelbagai aspek terutamanya meningkatkan pengetahuan mengenai agenda kerajaan dan mendekati diri kepada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira umur, latar belakang, kaum, bangsa dan agama. Ini adalah bagi memastikan agenda transformasi negara berjaya mencapai matlamatnya.

16. Akhir kata, sekali lagi syabas dan tahniah diucapkan kepada Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, kerana berjaya menganjurkan majlis ini dengan jayanya. Saya juga berharap kepimpinan Komuniti 1Malaysia di seluruh negara terus diperkasakan lagi bagi merealisasikan agenda negara. Selamat Maju Jaya, tingkatkanlah usaha dan bekerjalah dengan penuh ikhlas untuk meningkatkan kecemerlangan demi masa depan rakyat dan negara.

17. Dengan ucapan lafaz Bismillahirrahmannirrahim.saya dengan sukacitanya, merasmikan Komuniti 1Malaysia Negeri Johor Darul Takzim.

Sekian, Terima kasih.

Wabillahi al-Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.